

Malaysia garis 7 inisiatif

Usaha memperkasa supaya terus relevan serta responsif kepada cabaran global

FAKTA

7 inisiatif untuk Asean

- Pendekatan yang berterasaskan rakyat.
- Penubuhan Piagam Asean.
- Penjanaaan kewangan untuk menubuhkan dana Pembangunan Asean daripada sumber rakan dialog, institusi antarabangsa dan swasta.
- Mengambil pendirian proaktif bagi pihak Asean dalam persidangan antarabangsa.
- Memperoleh persetujuan Asean untuk perjanjian menentang kekerasan.
- Menganjur Mesyuarat Menteri Pertahanan Asean.
- Menggandakan usaha bagi mengurangkan jurang Pembangunan antara Asean.

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Malaysia selaku Pengerusi Tetap Asean, menggariskan tujuh inisiatif yang perlu diutamakan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai pertubuhan itu dan memperkasakannya supaya terus relevan serta responsif kepada cabaran global.

Tujuh inisiatif itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam perutusannya sempena Hari Asean ke-38 tahun, yang disiarkan menerusi RTM dan TV3 malam tadi.

Hari Asean yang buat pertama kalinya disambut secara serentak di seluruh negara anggota pertubuhan itu hari ini, bertemakan 'Pembangunan Komuniti Asean Untuk Warga Asean'.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam

(OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) percaya dengan wujudnya kesedaran mengenai Asean, masyarakat serantau yang dinamik dan progresif dapat diwujudkan.

"Setiap lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab masing-masing dan ketiadaan kesaksamaan dalam hal sosial menyukarkan Pembangunan ekonomi serta mengancam ketenteraman dalam negara.

"Dalam hal ini, badan korporat, bersama dengan pemerintah, juga digalakkan menjalankan tanggungjawab sosial menangani isu seperti kemiskinan, keutuhan unit keluarga, keruntuhan moral dan pengangguran," katanya.

Abdullah berkata, usaha supaya semua negara Asean menyambut Hari Asean secara serentak seperti yang dibuat tahun ini, patut dikekalkan.

Beliau berkata, keanggotaan Malaysia dalam Asean membawa ba-

Kita berharap dalam keghairahan mengejar pemodenan, Pembangunan ekonomi serta kekayaan, perkara asas seperti keutuhan unit keluarga perlu diberi keutamaan setiap masa"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

nyak manfaat kepada negara dan membolehkan Malaysia memberi tumpuan kepada Pembangunan serta menggalak kemasukan pelaburan.

Bagaimanapun katanya, masih banyak yang boleh dilakukan ke arah mengukuhkan lagi Asean sebagai organisasi yang relevan bagi mencapai objektif bersama.

"Malaysia yakin semua ini boleh dicapai apabila Asean mengambil langkah tertentu untuk mewujudkan komuniti Asean menjelang 2020," katanya.

Perdana Menteri berkata, Concord Bali Kedua, yang diterima pada Sidang Kemuncak Asean ke-9 pada 2003, menjangka sebuah komuniti Asean boleh dibentuk berteraskan tiga tonggak utama, iaitu pengwujudan komuniti keselamatan, ekonomi dan sosio-budaya Asean.

Penubuhan FTA menguntungkan negara anggota

DARI MUKA 1

"Untuk mengembangkan ekonomi Asean, usaha dilaksanakan bagi mewujudkan kawasan perdagangan bebas (FTA) Asean dengan China, Jepun, Korea, India, Australia dan New Zealand.

"Penubuhan FTA menguntungkan negara Asean dengan penawaran dan permintaan dari luar meningkat, sementara pelaburan terus dari luar pasti memberangsangkan," katanya.

Malaysia, katanya, percaya kerjasama serantau penting kerana semuanya boleh menjurus kepada kesejahteraan rakyat.

FAKTA

Langkah mengukuhkan Asean

- Memupuk rasa kekitaan.
- Mengurangkan jurang pembangunan antara anggota.
- Menerapkan kesamarataan nilai mengenai isu demokrasi, hak asasi dan kesejahteraan rakyat.
- Memperkukuh institusi Asean.
- Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai Asean.

Langkah mewujudkan komuniti keselamatan Asean

- Menyelesaikan pertelingkahan secara aman menerusi rundingan.
- Menangani cabaran rentas sempadan yang boleh memberi kesan negatif.
- Memastikan rantau ini bebas daripada ancaman senjata pemusnah besar-besaran.